

Dasar yang Dilaksanakan Selepas 10 Tahun Penubuhan Unit Tapak Semaian (UTS) Sungai Damit Tuaran, 2006-2016

(Policies Implemented within the First 10 Years After the Establishment of the Nursery Unit (UTS) Sungai Damit Tuaran, 2006-2016)

Nur Liyana Zahidah binti Juri^{1*} , M. Zahid Juri² 

¹Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Email: liyanajuri@gmail.com

²Faculty of Creative Industries, Education and Social Justice, Queensland University of Technology, Kelvin Grove 4059, Queensland, Australia.

Email: mohdzahidbin.juri@hdr.qut.edu.au

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Nur Liyana Zahidah binti Juri
(liyanajuri@gmail.com)

KATA KUNCI:

Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS)
Unit Tapak Semaian (UTS)
Dasar
Industri getah

KEYWORDS:

Sabah Rubber Industry Board (SRIB)
Nursery unit
Policy
Rubber industry

CITATION:

Nur Liyana Zahidah Juri, & M. Zahid Juri. (2024). Dasar yang Dilaksanakan Selepas 10 Tahun Penubuhan Unit Tapak Semaian (UTS) Sungai Damit Tuaran, 2006-2016. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(10), e003053. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i10.3053>

3

ABSTRAK

Makalah in merekodkan dasar-dasar yang dilaksanakan oleh Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) Unit Tapak Semaian (UTS) Sungai Damit Tuaran, Sabah dari tahun 2006 sehingga 2016. Bagi melengkapkan maklumat penulisan ini, pengkaji menggunakan kaedah perpustakaan dan kaedah lisan. Dasar-dasar yang telah dilaksanakan merangkumi dasar mewujudkan punca pendapatan yang tetap dan mapan, dasar keselamatan dan kesihatan pekerja, dan dasar meningkatkan sistem penyampaian. Kewujudan dasar-dasar ini banyak menarik penduduk tempatan untuk menceburkan diri dalam industri getah. Penglibatan penduduk tempatan sebagai pekebun kecil secara langsung telah merubah corak ekonomi getah di Tuaran yang menjadikan getah sebagai ekonomi utama Tuaran. Perkara ini telah membuka peluang pekerjaan dalam bidang pertanian yang menyumbang kepada penambahan infrastruktur dan kenaikan gaji pekerja. Sekaligus, pelaksanaan program-program bagi mengurangkan risiko kesihatan dan keselamatan terhadap pekerja juga penting untuk menjaga kebajikan pekerja. LIGS haruslah meningkatkan komunikasi yang lebih efektif dalam UTS seperti sesama pekerja, mahupun di luar UTS seperti pembeli getah luar. Kajian ini diharapkan dapat dijadikan rujukan bagi kajian masa hadapan terutama sekali dalam mengkaji peranan dan cabaran LIGS di kawasan lain.

ABSTRACT

This paper records the policies implemented by Tuaran nursery unit (UTS Sungai Damit) of the Sabah Rubber Industry Board (SRIB) from 2006 to 2016. The researchers used library and oral methods to collect the relevant

information. The policies that have been implemented include the policy of creating a steady and sustainable source of income, the policy to ensure employees' health and safety in the workplace, and the policy to improve the communication system. The existence of these policies attracted many local residents to venture into the rubber plantation industry. The involvement of the locals as smallholders directly impacted Tuaran's economy which led rubber to be the main contributor to the local economy. This opened up agriculture job opportunities and contributed to the increase of infrastructure and employees' salary. At the same time, the implementation of programs to reduce health and safety risks was also important to protect the employees' welfare. SRIB, should improve more effective communication within UTS such as between fellow employees, as well as outside of UTS such as with external buyers. This study is expected to be used as a reference for future studies, especially in examining the role and challenges faced by SRIB in other locations.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini adalah salah satu daripada kajian yang menyiasat Lembaga Industri Getah Sabah sebagai satu institusi penting dalam sektor pertanian di Sabah. Perkara ini telah dicapai melalui penelitian dan pendokumentasian dasar-dasar yang telah dilaksanakan selepas 10 tahun penubuhan di salah satu bahagian penting LIGS iaitu Unit Tapak Semaian Sungai Damit.

1. Pengenalan

Tuaran merupakan daerah di Sabah yang terletak di kawasan Pantai Barat Selatan. Daerah ini mempunyai kebergantungan kepada hasil pertanian dalam memastikan kedudukan ekonomi mereka. Sebagai contoh, daripada jumlah keluasan tanah yang boleh diusahakan untuk kegiatan pertanian sebanyak 31, 562 hektar di daerah itu, 17, 892 hektar telah diusahakan pada tahun 1989 di mana 10, 272 hektar merupakan perusahaan getah ([Arkib Negeri Sabah, 1989](#)).

Unit Tapak Semaian (UTS) Sungai Damit merupakan salah satu bahagian di bawah Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS). LIGS itu sendiri merupakan sebuah Agensi Kerajaan Negeri di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan di Sabah. LIGS telah ditubuhkan melalui enakmen Lembaga Tabung Getah 1950 (Pindaan No.25 tahun 1981) ([Lembaga Industri Getah Sabah, 2014e](#)) yang kemudiannya dipinda kepada Enakmen Lembaga Industri getah pada tahun 2013. Secara lazimnya, LIGS mempunyai enam bahagian utama iaitu bahagian pentadbiran, bahagian kewangan, bahagian unit tapak semaian, bahagian kemajuan pekebun kecil, bahagian skim penempatan getah dan bahagian operasi perindustrian ([Nur Liyana, 2022](#)). Di daerah Tuaran Sahaja terdapat dua UTS; UTS Sungai Damit dan UTS Tuaran di mana UTS yang pertama fokus kepada penyemaian getah manakala UTS Tuaran menyemai buah-buahan.

Pada tahun 1950, Jabatan Pertanian mewujudkan Lembaga Tabung Getah serta membuat satu cawangan di daerah Tuaran pada tahun 1952. Perkara ini membolehkan Lembaga Tabung Getah untuk mengambil alih perusahaan getah di daerah Tuaran daripada Jabatan Pertanian. Lembaga Tabung Getah beroperasi pada tahun 1954 dalam mengendalikan penajaan dan penanaman semula getah ([Arkib Negeri Sabah, n.d.](#)). Getah masih menjadi

hasil utama ekonomi di daerah Tuaran. Tanaman getah ini berkembang kerana inisiatif kerajaan memastikan penoreh boleh mendapat pendapatan untuk sara diri. [Jadual 1](#) menunjukkan anggaran keluasan tanaman getah di daerah Tuaran pada tahun 2006 hingga 2016.

Jadual 1: Anggaran Keluasan Tanaman Getah di Daerah Tuaran pada tahun 2006-2016.

Tahun	Keluasan Tanah (Hektar)
2006	138.50 Ha
2007	241.76 Ha
2008	173.26 Ha
2009	123.26 Ha
2010	103.26 Ha
2011	192.39 Ha
2012	140.26 Ha
2013	88.68 Ha
2014	332.65 Ha
2015	199.01 Ha
2016	268.20 Ha

Sumber: [Lembaga Industri Getah Sabah \(2006a, 2007a, 2008a, 2009a, 2010a, 2011a, 2012a, 2013a, 2014a, 2015a, 2016a\)](#)

Keluasan tanaman bergantung kepada peruntukan kerajaan yang terbahagi kepada tiga iaitu dari Lembaga Industri Getah Tuaran, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Secara amnya, jika kurang peruntukan yang disalurkan oleh kerajaan maka keluasan tanaman berkurang, begitu juga sebaliknya. Perkara ini jelas dilihat pada tahun 2013 di mana hanya 88.68 Hektar keluasan tanah yang beroperasi kerana kekurangan peruntukan serta permintaan getah yang menurun. Bajet negara yang selalunya dibentangkan pada bulan Oktober akan menentukan saluran peruntukan dalam bidang pertanian. Bagi menjana pendapatan serta mengurangkan kadar pengangguran yang berlaku pada masyarakat setempat khususnya pekebun kecil.

2. Sejarah Unit Tapak Semaian (UTS) Sungai Damit

Tapak semaian berfungsi untuk mengeluarkan bibit getah cantuman muda. Unit Tapak Semaian Sungai Damit, Tuaran telah mula beroperasi pada 2006 ([Lembaga Industri Getah Sabah, 2006c](#)). Dengan keluasan sekitar 60.70 hektar dan berkapasiti sehingga 2.7 juta bibit cantuman muda berpolibeg ([Lembaga Industri Getah Sabah, 2006c, 2007c, 2008c, 2009c, 2010c, 2011c, 2012c, 2013d, 2014f, 2015d, 2016c](#)). Pusat semaian ini terletak sekitar 3 kilometer daripada pekan Tuaran dan berhampiran dengan ladang getah Skim Penempatan Getah di daerah Tuaran. Unit Tapak Semaian Sungai Damit, Tuaran mempunyai kayu tunas sekitar 88,754 pokok yang terdiri daripada klon PB 350, PB 260, RRIM 2001, 2002, RRIM 2023, RRIM 2025 dan RRIM 3001 ([Lembaga Industri Getah Sabah, 2009, 2014e](#)). [Jadual 2](#) menunjukkan klon baka getah di UTS Sungai Damit, Tuaran.

Kumpulan 1 merupakan klon baka getah yang telah di selidiki selama tujuh tahun dalam skala yang besar dan disyorkan untuk penanaman secara komersial ([Lembaga Industri Getah Sabah, 2014e](#)). Seterusnya, ciri pengelasan klon Kumpulan 2A pula ialah baka getah yang telah diselidiki selama tiga tahun dalam skala yang besar dan penanamannya dihadkan kepada 50 peratus di setiap kawasan. Akhir sekali, bagi pengelasan klon Kumpulan 2B pula merujuk kepada baka getah yang telah diselidiki selama tiga tahun

dalam skala kecil dan penanamannya hendaklah dihadkan pada 20 peratus di setiap kawasan. Klon-klon tersebut dikenal pasti melalui bentuk daun, bentuk anak gagang, biji, dahan, jemala dan batang. Keperluan klon yang bermutu tinggi akan memberi jaminan hasil yang menguntungkan. Perkara ini dapat dilihat melalui pekerja UTS Sungai Damit yang lebih memilih klon baka dari kumpulan 1 iaitu PB 350 kerana potensi hasil yang lebih tinggi ([Lembaga Getah Malaysia, 2009](#)).

Jadual 2: Klon Baka Getah di Tapak Semaian

Kumpulan 1	Kumpulan 2 A	Kumpulan 2B
RRIM 908	RRIM 2001	RRIM 2024
RRIM 911	RRIM 2002	RRIM 2025
RRIM 912	RRIM 2009	RRIM 2026
RRIM 928		RRIM 2027
RRIM 929		
RRIM 936		
PB 260		
PB 350		
PB 355		
PB 359		

Sumber: [Lembaga Industri Getah \(2014e\)](#)

Selanjutnya, perkembangan blok Unit Tapak Semaian Sungai Damit akan dibincangkan. Blok merupakan barisan bibit untuk sempadan pengurusan bagi kakitangan yang diberi tanggungjawab untuk mengurus kawasan tersebut. Satu blok kecil boleh menampung kapasiti sebanyak 50,000 pokok bibit cantuman muda berpolibeg ([Lembaga Industri Getah Sabah, 2006c](#)). Blok yang besar boleh menampung kapasiti BCMP sebanyak 250,000 pokok ([Lembaga Industri Getah Sabah, 2006c](#)). Seperti yang diketahui, peruntukan daripada pihak kerajaan serta permintaan bibit getah yang tinggi banyak mempengaruhi penambahan blok. Ketika UTS ditubuhkan pada tahun 2006 hanya terdapat lima blok sahaja yang beroperasi ([Lembaga Industri Getah Sabah, 2006c](#)). Berlaku penambahan satu blok pada tahun 2007 ([Lembaga Industri Getah Sabah, 2007c](#)).

Seterusnya, pada tahun 2008 berlaku penambahan blok kepada tujuh blok ([Lembaga Industri Getah Sabah, 2008c](#)). Pada tahun 2009, daripada tujuh blok bertambah kepada sepuluh blok ([Lembaga Industri Getah Sabah, 2009c](#)). Selanjutnya blok bertambah secara mendadak dari sepuluh blok pada tahun 2009 ke 17 blok pada tahun 2010 rentetan peruntukan yang banyak disalurkan dari kerajaan untuk menjana ekonomi di Tuaran khususnya pekerja UTS Sungai Damit ([Lembaga Industri Getah Sabah, 2010c](#)).

Bagi tahun 2011 hanya berlaku satu penambahan blok yang didirikan untuk menampung pekerja semasa ([Lembaga Industri Getah Sabah, 2011c](#)). Sepanjang tahun 2012, 2013 dan 2014 terdapat 20 blok yang beroperasi bagi menampung permintaan bibit getah yang tinggi daripada *Rubber Industry Smallholders Development Authority* ([Lembaga Industri Getah Sabah, 2012c, 2013d, 2014f](#)). Akhir sekali, pada tahun 2015 dan 2016 hanya 21 blok yang dibuka untuk penanaman BCMP ([Lembaga Industri Getah Sabah, 2015d](#)). [Jadual 3](#) menunjukkan jumlah blok di UTS Sungai Damit, Tuaran.

Jadual 3: Jumlah Blok di Unit Tapak Semaian Sungai Damit Tuaran.

Tahun	Jumlah Blok
2006	5
2007	6
2008	7
2009	10
2010	17
2011	18
2012	20
2013	20
2014	20
2015	21
2016	21

Sumber: Laporan Tahunan Unit Tapak Semaian Sungai Damit ([Lembaga Industri Getah Sabah, 2006c](#), [2007c](#), [2008c](#), [2009c](#), [2010c](#), [2011c](#), [2012c](#), [2013d](#), [2014f](#), [2015d](#), [2016c](#)).

3. Dasar-dasar yang dilaksanakan

Kewujudan pelbagai dasar LIGS telah berjaya memperluaskan lagi pembangunan sektor pertanian getah di daerah Tuaran. Perancangan dan strategi yang dilaksanakan oleh pihak LIGS dalam meneruskan pembukaan lebih banyak projek berskala besar telah dapat menggalakkan para pekebun kecil untuk meningkatkan taraf ekonomi mereka. Rentetan pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak LIGS tersebut maka kebajikan pekerja terpelihara dan situasi ini secara tidak langsung telah membantu menggerakkan ekonomi getah di daerah Tuaran.

3.1. Dasar mewujudkan punca pendapatan yang tetap dan mapan kepada petani pindah randah, petani miskin dan miskin tegar

Kewujudan dasar mewujudkan punca pendapatan yang tetap dan mapan ini membolehkan UTS Sungai Damit memperluas pembangunan sektor pertanian melalui penggunaan sumber secara optimum. Dasar ini juga memperkukuh pertumbuhan ekonomi petani di daerah Tuaran. Motif asal dasar ini adalah untuk memperbaiki ekonomi dan keadaan sosial masyarakat bumiputera. Perkara ini dapat dibuktikan melalui [Jadual 4](#) yang menunjukkan pertumbuhan gaji minimum dan maksimum pekerja pada tahun 2006 hingga 2016.

Jadual 4: Gaji Minimum dan Maksimum Pekerja Pada Tahun 2006 hingga 2016.

Tahun	Minimum (RM)	Maksimum (RM)
2006	850	1,200
2007	900	1,500
2008	1,000	2,500
2009	1,000	3,000
2010	1,000	4,000
2011	1,000	5,000
2012	1,000	5,500
2013	1,000	5,500
2014	1,000	5,000
2015	1,000	5,000
2016	1,000	5,000

Sumber: Laporan Tahunan LIGS Unit Tapak Semaian Sungai Damit, Tuaran ([Lembaga Industri Getah Sabah, 2006b](#), [2007b](#), [2008b](#), [2009b](#), [2010b](#), [2011b](#), [2012b](#), [2013b](#), [2014b](#), [2015b](#)).

Pada tahun 2006, tapak semaian Sungai Damit telah menyediakan sebanyak lima blok untuk penanaman bibit getah ([Lembaga Industri Getah Sabah, 2006c](#)). Semakin bertambah blok yang disediakan maka semakin banyak peluang pekerjaan yang boleh ditawarkan kepada masyarakat di daerah Tuaran. Antara pekerjaan yang ditawarkan oleh pihak LIGS ialah mengisi polibeg, menyemai biji getah, menanam biji getah, membaja, mencantum, mencantas, menyembur racun serangga, mengeluarkan BCMP dan memindahkan bibit getah ke lori. Sehubungan dengan itu, terdapat dua golongan pekerja di UTS iaitu pekerja kontrak dan pekerja harian. Bagi pekerja kontrak, mereka akan diberi tugas khas dan apabila tugas tersebut siap maka mereka akan diberikan kontrak yang baharu lagi. Pembayaran gaji mereka akan dibayar mengikut kerja kontrak yang telah selesai dikerjakan bagi setiap bulan. Manakala bagi pekerja harian pula, mereka akan dibayar gaji mengikut jumlah hari mereka bekerja.

Pada tahun 2012 dan tahun 2013 sebanyak tiga blok telah ditambah ([Lembaga Industri Getah Sabah, 2012c](#), [2013d](#)). Blok tapak semaian yang berjumlah 20 blok mampu memuatkan sebanyak 2.7 juta kapasiti pokok getah. Sejalan dengan penambahan blok berlakunya juga penambahan jumlah pekerja daripada 150 orang pekerja pada tahun 2011 ke-200 orang pekerja pada tahun 2012. Penambahan pekerja ini jelas menunjukkan bahawa produktiviti ekonomi tidak mengalami sebarang penurunan yang ketara. Gaji minimum pekerja masih kekal sebanyak RM 1,000 manakala gaji maksimum mencecah sehingga RM 5,500 berbanding RM 5,000 pada tahun 2011. Tahun 2012 dan 2013 merupakan tahun di mana harga barang melonjak naik. UTS Sungai Damit turut mendapat banyak permintaan daripada RISDA bagi mengeluarkan banyak bibit getah untuk dibekalkan kepada pekebun kecil di seluruh Sabah.

Akhir sekali, pada tahun 2016 tiada berlaku sebarang penambahan blok menjadikan bilangan blok kekal kepada 21 buah dan masih menampung sebanyak 2.7 juta kapasiti pokok ([Lembaga Industri Getah Sabah, 2016c](#)). Namun berlaku penurunan lagi pada jumlah pekerja daripada 158 orang pekerja kepada 125 orang. Pada tahun tersebut juga didapati berlaku penurunan jumlah pekerja daripada 200 orang kepada 158 orang pekerja. Perkara ini berlaku kerana penurunan permintaan dari RISDA yang tidak mengambil sebarang bekalan bibit getah dari UTS Sungai Damit Tuaran di samping berlakunya penurunan harga getah di pasaran pada tahun 2015 sehingga menyebabkan keuntungan getah semakin berkurang ([Lembaga Industri Getah Sabah, 2015d](#), [2016c](#)). Selain itu, lokasi UTS Sungai Damit yang berdekatan dengan kawasan perindustrian juga telah menyebabkan para pekerja mempunyai pilihan untuk mencari peluang pekerjaan yang lebih stabil meskipun gaji yang ditawarkan oleh LIGS masih kekal.

LIGS telah mewujudkan punca pendapatan yang tetap dan mapan kepada petani pindah randah, petani miskin dan miskin tegar. Hal ini boleh dibuktikan melalui peningkatan gaji maksimum yang paling ketara berlaku pada tahun 2012 sehingga tahun 2013 yang mencecah RM 5500 atas sebab peningkatan permintaan daripada RISDA untuk membekalkan bibit getah kepada pekebun kecil seluruh Sabah.

3.2. Dasar keselamatan dan kesihatan pekerja

LIGS UTS Sungai Damit menyediakan persekitaran dan penerapan budaya kerja yang selamat dan sihat melalui perkongsian tanggungjawab antara pihak pengurusan dengan pekerja mengikut tanggungjawab masing-masing (Asmalia et al., 2016). Isu-isu keselamatan, kesihatan dan kebajikan akan diambil tindakan sejajar dengan matlamat utama LIGS. Dasar ini dilaksanakan dan disemak semula dari semasa ke semasa bagi memastikan kesinambungan program yang berterusan (Lembaga Industri Getah Sabah, 2013c, 2014c, 2015c).

Pertama sekali, bahagian tempat kerja pejabat mesti mempunyai “*First Aid Box*” yang mengandungi ubat seperti panadol serta memerlukan pengasingan ubat supaya tidak bercampur aduk (Lembaga Industri Getah Sabah, 2013c). Penolong pegawai pertanian yang dilantik juga perlu memastikan keselamatan dan kebajikan pekerja lain terjaga. Amat penting bagi meningkatkan kesedaran pekerja dalam aspek keselamatan dan kesihatan bagi memastikan tempat kerja selamat dari risiko kecederaan. UTS Sungai Damit turut menyampaikan maklumat terkini berkaitan isu-isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan disamping mewujudkan perkongsian maklumat pintar menerusi pembentangan kertas kerja dan ceramah (Lembaga Industri Getah Sabah, 2006b, 2007b, 2008b, 2009b, 2010b, 2011b, 2012b, 2013b, 2014b, 2015b).

Latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah penting bagi memastikan perkara ini dilaksanakan dengan betul (Lembaga Industri Getah Sabah, 2015c). Hal ini kerana, setiap pekerja mestilah diberikan pendedahan bagi mengatasi masalah seperti kebakaran mahupun mengenai kecederaan diri. Setiap tahun UTS Sungai Damit akan melakukan latihan dan cara penggunaan alat pemadam api. Latihan dan cara penggunaan alat pemadam api juga membabitkan sesi praktikal di mana setiap pekerja perlu mempraktikkan penggunaan pemadam api sambil diselia oleh wakil daripada pihak bomba Tuaran. Latihan ini dilaksanakan bagi memberikan pendedahan kepada tiap pekerja mengenai cara-cara mengendalikan sebarang kes kebakaran di tempat kerja.

Seterusnya, UTS Sungai Damit turut menyediakan prosedur kerja selamat bagi proses pengendalian bahan kimia. Sebagai contoh, mereka perlu mendaftarkan bahan kimia berbahaya kepada kesihatan (Lembaga Industri Getah Sabah, 2015c). Perkara ini perlu dilaksanakan untuk menjaga keselamatan pekerja serta mengelakkan sebarang kerosakan tanaman bibit getah. Pekerja akan dilatih oleh penolong pegawai pertanian mengenai proses pengendalian bahan kimia agar tidak berlaku sebarang kemalangan yang berpunca daripada sebarang kecuaiian. Selain itu, adalah penting bagi pekerja untuk memakai pakaian perlindungan diri yang lengkap dan bersih semasa mengendalikan bahan kimia. Misalnya, mereka perlu memakai alat penutup mulut dan hidung (*mask*) kasut but dan apron bagi mengelakkan berlakunya iritasi kulit dan mata. Bagi memastikan keselamatan pekerja terjamin dan prosedur keselamatan dipatuhi, pihak UTS Sungai Damit turut menyediakan kelengkapan pelindung diri yang diluluskan.

Selain daripada itu, langkah-langkah keselamatan lain seperti *Hazard Identification, Risk Assessment and Risk Control* (HIRARC) turut dilaksanakan untuk mengenal pasti semua faktor yang boleh mendatangkan bahaya kepada pekerja dan orang lain (Asmalia et al., 2016). Langkah ini membolehkan majikan merancang, memperkenalkan dan memantau langkah-langkah pencegahan untuk memastikan bahawa sebarang risiko dikawal dengan secukupnya setiap masa. Konsep ‘Bahaya’ boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan utama iaitu bahaya kesihatan, bahaya keselamatan, dan bahaya persekitaran. Aktiviti HIRARC

harus dirancang dan dijalankan terutamanya dalam keadaan di mana terdapat bahaya dan ancaman yang ketara, sekiranya pihak pengurusan tidak pasti sama ada kawalan yang sedia ada mencukupi dan sebelum melaksanakan langkah pembetulan atau pencegahan oleh UTS Sungai Damit. Melalui aktiviti HIRARC ini Sistem Pengurusan OSH akan terus ditingkatkan. Pelaksanaan proses HIRARC membabitkan empat langkah mudah iaitu langkah mengelaskan aktiviti kerja, langkah mengenal pasti bahaya, langkah melakukan penilaian risiko (menganalisis dan menganggarkan risiko dari setiap kategori bahaya) dan langkah menganggarkan kemungkinan berlakunya kemalangan serta keterukan sesuatu bahaya.

Seterusnya, pihak UTS Sungai Damit perlu menentukan apakah tahap risiko yang boleh diterima serta menggunakan langkah-langkah kawalan sekiranya perlu. Pengurusan Ergonomik di tempat kerja merujuk kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 di bawah Seksyen 15 (2)(e) di mana dinyatakan bahawa adalah menjadi tanggungjawab majikan bagi membuat penyelenggaraan persekitaran pekerjaan bagi pekerja-pekerjanya bagi memastikan persekitaran yang praktikal, selamat, tanpa risiko kepada kesihatan, kemudahan yang memadai bagi menjaga kebajikan mereka yang sedang bekerja (Mohammad Shamil & Mohd Nasir, 2020).

3.3. Meningkatkan sistem penyampaian

UTS Sungai Damit mempromosi pembentukan dan pemeliharaan budaya kerja selamat dan sihat di kalangan masyarakat umum dengan harapan ianya akan dapat memberikan kesedaran kepada semua pihak mengenai kepentingan pencegahan kemalangan dan penyakit pekerja di tempat kerja (Lembaga Industri Getah Sabah, 2013c, 2014c, 2015c). Kemudahan latihan yang disediakan berkenaan kaedah-kaedah moden penanaman bibit getah kepada penduduk di kawasan luar bandar diadakan secara taklimat dan amali (Lembaga Industri Getah Sabah, 2006b, 2007b, 2008b, 2009b, 2010b, 2011b, 2012b, 2013b, 2014b, 2015b).

Selain itu, UTS Sungai Damit turut memberikan peringatan kepada pekerja lama bagi memastikan penyampaian maklumat yang berkesan (Lembaga Industri Getah Sabah, 2014c). Setiap awal musim penanaman benih getah penolong pegawai pertanian atau pembantu am rendah akan memberikan taklimat serta peringatan kepada pekerja supaya tidak berlaku sebarang kecederaan semasa proses penanaman bibit getah berlaku. Dalam hal ini, amatlah penting bagi semua pekerja bekerja sama untuk memastikan keselamatan masing-masing. Perkara ini penting untuk menjaga kebajikan pekerja dalam mempergiat latihan serta mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

Seterusnya, memandangkan UTS Sungai Damit turut menjual bibit getah kepada orang luar maka amatlah penting untuk memberikan perkhidmatan yang bermutu (Lembaga Industri Getah Sabah, 2014d). Perkara ini amatlah penting kerana penjualan bibit getah ini merupakan antara wadah yang digunakan untuk menjana sumber pendapatan UTS Sungai Damit. Namun, proses jual beli ini hanya berlaku jika terdapat lebihan getah, lantas dijual kepada orang luar kerana fungsi tapak samaian itu sendiri yang hanya membekalkan bibit getah kepada pekebun kecil dan bukan bertujuan untuk menanam dalam tempoh yang lama. Memandang terdapat golongan yang mahu membeli dan mengusahakan secara persendirian maka LIGS membolehkan orang luar membeli bibit getah secara langsung dengan cara mereka datang sendiri ke pejabat Unit Tapak Samaian untuk memilih bibit getah dengan bantuan penolong pegawai pertanian. Perkara ini dapat

mengurangkan pembaziran sumber secara langsung melalui penjualan Bibit Cantuman Muda Berpolibeg (BCMP).

Tambahan pula, UTS Sungai Damit turut mengemas kini senarai-senarai kerja yang berbahaya ([Lembaga Industri Getah Sabah, 2013c, 2014c, 2015c](#)). Langkah ini amatlah penting supaya pekerja lebih peka terhadap keselamatan masing-masing melalui prosedur telah ditampal di sudut keselamatan. Penolong Pegawai Pertanian merupakan pegawai yang bertanggungjawab dalam memastikan menyampaikan maklumat yang efektif. Hal ini kerana pekerja perlu mengetahui maklumat keselamatan yang sepatutnya agar tidak berlaku sebarang masalah semasa sesi pekerjaan berjalan. Setakat ini kemalangan yang selalu berlaku semasa mencantas berpunca daripada kecuaiannya pekerja mengendalikan pisau mencantas yang agak tajam maka pekerja memerlukan fokus yang tinggi untuk melakukan pekerjaan itu. Langkah keselamatan juga perlu dipraktikkan dalam pengendalian racun. Amatlah penting bagi pekerja untuk mematuhi ukuran cecair kimia yang perlu dimasukkan mesin penyembur serta memakai peralatan perlindungan diri yang lengkap bagi mengelakkan kulit daripada bersentuhan dengan cecair kimia. Oleh itu, amatlah penting pekerja mengambil langkah berjaga-jaga bagi mengelakkan kecederaan berlaku melalui sistem penyampaian maklumat yang lebih efisien.

Bagi mempromosikan pembentukan dan pemeliharaan budaya kerja selamat dan sihat di kalangan masyarakat, amat penting bagi pihak pengurusan untuk menggunakan medium yang efektif untuk memberikan kesedaran mengenai kepentingan pencegahan kemalangan di tempat kerja dan informasi yang tepat berkenaan penyakit yang boleh menyerang bibit getah. Kemudahan latihan yang diadakan berkenaan kaedah-kaedah moden penanaman bibit getah kepada penduduk di kawasan luar bandar diadakan dalam bentuk taklimat serta amali.

4. Kesimpulan

Kewujudan dan pelaksanaan dasar-dasar ini didapati memberikan kesan positif dalam memperluaskan pembangunan sektor pertanian khususnya penanaman getah bagi memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi penduduk setempat. Hal ini demikian kerana keadaan ekonomi dan keadaan sosial masyarakat setempat memerlukan penambahbaikan yang boleh dicapai melalui penglibatan secara langsung sebagai pekebun kecil. Pengenalan dasar-dasar ini selaras dengan misi LIGS untuk membantu penduduk tempatan mendapatkan mata wang pencarian yang tetap. Pengenalan dasar yang dilaksanakan oleh LIGS secara langsung menunjukkan getah sebagai ekonomi utama di Tuaran. Perkara ini telah mewujudkan lagi peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan dan telah membuka pilihan kepada masyarakat untuk bekerja dalam bidang pertanian khusus dalam penyemaian benih getah muda berpolibeg yang seterusnya mempertingkatkan perkembangan ekonomi penduduk tempatan di Tuaran. Jelaslah kegiatan ekonomi pertanian menjadi tulang belakang untuk meningkatkan taraf kehidupan penduduk tempatan ke tahap yang lebih baik. Hal ini kerana, sumber kewangan yang utama ialah melalui aktiviti pertanian yang seterusnya, mempengaruhi perkembangan Tuaran dan penduduknya. Penanaman getah menjadi titik tolak untuk mengubah kehidupan dengan mengusahakan secara besar-besaran dan membawa keuntungan khasnya kepada penduduk tempatan.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Tidak berkenaan.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Para penyelidik ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak LIGS atas kerjasama memberikan sumber bagi menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengurangan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Asmalia Che Ahmad, Ida Nianti Mohd Zin, Muhammad Kamil Othman, & Nurul Huda Muhamad. (2016). Hazard identification, risk assessment and risk control (HIRARC) accidents at power plant. *MATEC Web of Conferences*, 66, 00105. <https://doi.org/10.1051/matecconf/20166600105>
- Arkib Negeri Sabah. (n.d.). Lembaga tabung getah. In *Fail Daerah Tuaran*, 35-37. Arkib Negeri Sabah.
- Arkib Negeri Sabah. (1989, 10 September). *Perayaan 25 tahun Sabah merdeka peringkat daerah Tuaran*, 22. Arkib Negeri Sabah.
- Lembaga Getah Malaysia. (2009). *Teknologi perladangan dan pemprosesan getah (1st ed.)*. Lembaga Getah Malaysia.
- Lembaga Industri Getah Sabah. (2006a). *Anggaran keluasan tanaman getah di daerah Tuaran*. Lembaga Industri Getah Sabah.
- Lembaga Industri Getah Sabah. (2006b). *Gaji pekerja ladang*. Lembaga Industri Getah Sabah.
- Lembaga Industri Getah Sabah. (2006c). *Laporan tahunan Unit Tapak Semaian Sungai Damit*. Lembaga Industri Getah Sabah.
- Lembaga Industri Getah Sabah. (2007a). *Anggaran keluasan tanaman getah di daerah Tuaran*. Lembaga Industri Getah Sabah.
- Lembaga Industri Getah Sabah. (2007b). *Gaji pekerja ladang*. Lembaga Industri Getah Sabah.
- Lembaga Industri Getah Sabah. (2007c). *Laporan tahunan Unit Tapak Semaian Sungai Damit*. Lembaga Industri Getah Sabah.
- Lembaga Industri Getah Sabah. (2008a). *Anggaran keluasan tanaman getah di daerah Tuaran*. Lembaga Industri Getah Sabah.
- Lembaga Industri Getah Sabah. (2008b). *Gaji pekerja ladang*. Lembaga Industri Getah Sabah.
- Lembaga Industri Getah Sabah. (2008c). *Laporan tahunan Unit Tapak Semaian Sungai Damit*. Lembaga Industri Getah Sabah.

- Lembaga Industri Getah Sabah. (2009a). *Anggaran keluasan tanaman getah di daerah Tuaran*. Lembaga Industri Getah Sabah.
- Lembaga Industri Getah Sabah. (2009b). *Gaji pekerja ladang*. Lembaga Industri Getah Sabah.
- Lembaga Industri Getah Sabah. (2009c). *Laporan tahunan Unit Tapak Semaian Sungai Damit*. Lembaga Industri Getah Sabah.
- Lembaga Industri Getah Sabah. (2010a). *Anggaran keluasan tanaman getah di daerah Tuaran*. Lembaga Industri Getah Sabah.
- Lembaga Industri Getah Sabah. (2010b). *Gaji pekerja ladang*. Lembaga Industri Getah Sabah.
- Lembaga Industri Getah Sabah. (2010c). *Laporan tahunan Unit Tapak Semaian Sungai Damit*. Lembaga Industri Getah Sabah.
- Lembaga Industri Getah Sabah. (2011a). *Anggaran keluasan tanaman getah di daerah Tuaran*. Lembaga Industri Getah Sabah.
- Lembaga Industri Getah Sabah. (2011b). *Gaji pekerja ladang*. Lembaga Industri Getah Sabah.
- Lembaga Industri Getah Sabah. (2011c). *Laporan tahunan Unit Tapak Semaian Sungai Damit*. Lembaga Industri Getah Sabah.
- Lembaga Industri Getah Sabah. (2012a). *Anggaran keluasan tanaman getah di daerah Tuaran*. Lembaga Industri Getah Sabah.
- Lembaga Industri Getah Sabah. (2012b). *Gaji pekerja ladang*. Lembaga Industri Getah Sabah.
- Lembaga Industri Getah Sabah. (2012c). *Laporan tahunan Unit Tapak Semaian Sungai Damit*. Lembaga Industri Getah Sabah.
- Lembaga Industri Getah Sabah. (2013a). *Anggaran keluasan tanaman getah di daerah Tuaran*. Lembaga Industri Getah Sabah.
- Lembaga Industri Getah Sabah. (2013b). *Gaji pekerja ladang*. Lembaga Industri Getah Sabah.
- Lembaga Industri Getah Sabah. (2013c). *JKKP jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerja*. Lembaga Industri Getah Sabah.
- Lembaga Industri Getah Sabah. (2013d). *Laporan tahunan Unit Tapak Semaian Sungai Damit*. Lembaga Industri Getah Sabah.
- Lembaga Industri Getah Sabah. (2014a). *Anggaran keluasan tanaman getah di daerah Tuaran*. Lembaga Industri Getah Sabah.
- Lembaga Industri Getah Sabah. (2014b). *Gaji pekerja ladang*. Lembaga Industri Getah Sabah.
- Lembaga Industri Getah Sabah. (2014c). *JKKP jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerja*. Lembaga Industri Getah Sabah.
- Lembaga Industri Getah Sabah. (2014d). *Rekod jualan tunai bibit getah Unit Tapak Semaian Tuaran*. Lembaga Industri Getah Sabah.
- Lembaga Industri Getah Sabah. (2014e). *Laporan tahunan*. Lembaga Industri Getah Sabah.
- Lembaga Industri Getah Sabah. (2014f). *Laporan tahunan Unit Tapak Semaian Sungai Damit*. Lembaga Industri Getah Sabah.
- Lembaga Industri Getah Sabah. (2015a). *Anggaran keluasan tanaman getah di daerah Tuaran*. Lembaga Industri Getah Sabah.
- Lembaga Industri Getah Sabah. (2015b). *Gaji pekerja ladang*. Lembaga Industri Getah Sabah.
- Lembaga Industri Getah Sabah. (2015c). *JKKP jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerja*. Lembaga Industri Getah Sabah.
- Lembaga Industri Getah Sabah. (2015d). *Laporan tahunan Unit Tapak Semaian Sungai Damit*. Lembaga Industri Getah Sabah.

- Lembaga Industri Getah Sabah. (2016a). *Anggaran keluasan tanaman getah di daerah Tuaran*. Lembaga Industri Getah Sabah.
- Lembaga Industri Getah Sabah. (2016b). *Gaji pekerja ladang*. Lembaga Industri Getah Sabah.
- Lembaga Industri Getah Sabah. (2016c). *Laporan tahunan Unit Tapak Semaian Sungai Damit*. Lembaga Industri Getah Sabah.
- Mohammad Shamil Mohammad Nor & Mohd Nasir Selamat. (2020). Hubungan antara sistem kerja ergonomik dan prestasi keselamatan dan kesihatan pekerjaan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(1), 1-13.
- Nur Liyana Zahidah Juri. (2022). Perkembangan penanaman getah: Satu tinjauan awal terhadap peranan Lembaga Tabung Getah Sabah (LTGS) 1991-1994. *Jurnal Borneo Arkhailogia*, 7(1), 52.64. <https://doi.org/10.51200/jba.v7i1.4132>